

## SPESIFIKASI STANDARD SALAD BULAT

### 1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk semua varieti Salad Bulat tempatan atau nama botaninya *Lactuca sativa* L. dari keluarga Asteraceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

### 2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

- 2.1. **Segar** - Daun Salad Bulat masih rangup, tidak kelihatan layu atau kekuningan.
- 2.2. **Perapian** - Membuang daun pelindung (wrapper leaves) yang berwarna kekuning-kuningan, bahagian-bahagian yang reput, kering dan rosak yang menjejaskan keseluruhan rupa. Bahagian batang hendaklah dipotong tidak lebih daripada 2 cm.
- 2.3. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.
- 2.4. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor dan cacat bentuk.
  - 2.4.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti tanah ataupun najis atau terdapat warna selain warna asal salad tetapi tidak termasuk kesan kapur untuk pencegahan proses pembusukan.
  - 2.4.2. **Cacat bentuk** - Bentuk tidak normal seperti kembar, terbantut, dirapikan berlebihan dan bentuk yang tidak sempurna bagi varieti berkenaan.
- 2.5. **Rosak** - Salad Bulat yang mengalami kesan-kesan berikut yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.
  - 2.5.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah dan sebagainya.
  - 2.5.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
  - 2.5.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat.

**3. KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia
- 3.3. Telah dibuat perapian (trimming) minimum.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1. Salad Bulat dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga hendaklah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$
<b>2</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 10$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$

4.2. Bagi Salad Bulat, saiz ditentukan oleh diameter dalam unit sentimeter (sm) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		DIAMETER (sm)
Besar	L	A	>17.5
Sedang	M	B	15.1 – 17.5
Kecil	S	C	12.5 -15.0

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Salad Bulat daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

## 6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "*Method of Sampling For Fresh Vegetables*", atau kaedah statistik yang dipersetujui.